

**EKONOMI KELUARGA DAN AMALAN URUT MELAYU TRADISIONAL PATUH
SYARIAH DI KELANTAN*****FAMILY ECONOMY AND THE PRACTICE OF SHARIAH-COMPLIANT
TRADITIONAL MALAY MASSAGE IN KELANTAN***Rosnani Ripin^{1*}Nurizan@Nora Mohd Suhaimy²Nurul Fazlina Mat Zin³Noorhanis Amran⁴¹ Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 15370 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: rosripin@gmail.com)² Fakulti Usuluddin dan Al-Quran dan Sunnah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 15370 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia³ Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 15370 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: fazlina@kias.edu.my)⁴ Pusat Pengajian Teras Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) 15370 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia (Emel: hanisnoor91@gmail.com)

* Corresponding author: rosripin@gmail.com

Abstrak

Urut Melayu tradisional merupakan satu bentuk warisan budaya yang masih kukuh diamalkan dalam kalangan masyarakat Kelantan. Amalan ini bukan sahaja berperanan sebagai medium rawatan kesihatan dan kesejahteraan fizikal, malah turut berpotensi sebagai sumber penjana ekonomi keluarga, khususnya bagi wanita dan suri rumah. Kajian ini meneliti amalan urut Melayu tradisional patuh syariah sebagai instrumen pembangunan ekonomi keluarga, dengan memberi tumpuan kepada aspek kepatuhan terhadap prinsip patuh syariat serta tahap penerimaan masyarakat terhadap amalan tersebut. Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif, melibatkan temu bual bersama 100 orang pengamal urut dan soal selidik terhadap 120 isi rumah di beberapa daerah utama di Kelantan. Dapatan menunjukkan bahawa urut Melayu tradisional menyumbang kepada pendapatan bulanan antara RM800.00 hingga RM2,500.00, bergantung pada bilangan pelanggan, jenis rawatan dan lokasi operasi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa amalan urut yang mematuhi garis panduan syariah seperti wanita merawat wanita, penjagaan aurat, serta penggunaan bahan dan minyak urut halal mendapat penerimaan yang amat positif dalam kalangan masyarakat tempatan. Artikel ini turut mencadangkan agar amalan urut Melayu tradisional patuh syariah diperkukuh sebagai sumber ekonomi halal dan berdaya maju melalui pelaksanaan program latihan bertauliah, sistem pensijilan rasmi, pengiktirafan kerajaan, serta pengintegrasian dalam pendidikan keusahawanan dan kesihatan Islam. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa urut Melayu tradisional patuh syariah bukan sekadar rawatan fizikal, tetapi juga wadah pembangunan sosioekonomi berasaskan

warisan budaya dan nilai keagamaan, yang berpotensi memperkasa ekonomi keluarga serta kesejahteraan komuniti di Kelantan.

Kata kunci: Ekonomi keluarga, urut Melayu tradisional, patuh syariah, pendapatan isi rumah, Kelantan, warisan budaya.

Abstract

Traditional Malay Massage represents a form of cultural heritage that remains deeply rooted within the Kelantanese community. This practice serves not only as a medium for promoting physical health and well-being but also holds significant potential as a source of household income, particularly for women and housewives. This study examines the practice of Shariah-compliant Traditional Malay Massage as an instrument for family economic development, focusing on the aspects of compliance with Shariah principles and the level of community acceptance towards this practice. The research employed a mixed-method approach, combining qualitative and quantitative methods, involving interviews with 100 traditional massage practitioners and surveys with 120 households across several major districts in Kelantan. The findings indicate that Traditional Malay Massage contributes to monthly earnings ranging from RM800 to RM2,500, depending on the number of clients, types of treatment, and location of operation. The results also reveal that massage practices adhering to Shariah guidelines—such as women treating women, observance of aurat (modesty), and the use of halal oils and herbal products—are highly accepted by the local community. Furthermore, the study proposes that Shariah-compliant Traditional Malay Massage be strengthened as a viable and halal economic sector through the implementation of certified training programs, official recognition systems, government endorsement, and integration into entrepreneurship and Islamic health education curricula. Overall, this study emphasizes that Shariah-compliant Traditional Malay Massage is not merely a form of physical therapy, but a socioeconomic development mechanism grounded in cultural heritage and religious values, with the potential to empower family economies and enhance community well-being in Kelantan.

Keywords: Family economy, Traditional Malay massage, Shariah compliance, Household income, Kelantan, Cultural heritage.

PENDAHULUAN

Ekonomi keluarga merupakan tunjang utama dalam pembangunan masyarakat yang sejahtera dan berdaya tahan. Kekuatan ekonomi keluarga bukan sahaja menentukan keupayaan isi rumah memenuhi keperluan asas, tetapi turut mencerminkan tahap kesejahteraan sosial dan kestabilan ekonomi sesebuah negeri (Rahman & Abdullah, 2021). Di negeri Kelantan, struktur ekonomi keluarga banyak bergantung kepada

sektor informal dan aktiviti kecil-kecilan seperti perusahaan desa, kraftangan, makanan tradisional, serta amalan rawatan warisan yang diwarisi secara turun-temurun. Salah satu warisan tersebut ialah urut Melayu tradisional, yang masih diamalkan secara meluas dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar kecil di negeri ini (Jabar, 2021; Ripin, 2024).

Urut Melayu tradisional bukan sekadar satu bentuk rawatan fizikal, tetapi juga satu manifestasi warisan budaya dan ilmu penyembuhan Islam yang berasaskan konsep syifa' dan tauhid. Dalam masyarakat Melayu Islam, amalan ini menjadi simbol keseimbangan antara keperluan jasmani dan rohani, serta melambangkan kesinambungan pengetahuan tradisional yang berpaksikan nilai kemanusiaan dan keagamaan (Ripin, 2016). Lebih daripada itu, amalan ini kini menjadi sumber ekonomi alternatif, terutamanya kepada wanita dan suri rumah yang menjalankan perkhidmatan urut secara sepenuh atau separuh masa bagi menambah pendapatan keluarga (Hamzah & Mohamad, 2020).

Walaupun urut Melayu tradisional telah lama diamalkan, penerapan prinsip patuh Syariah dalam perkhidmatan ini menjadikan amalan tersebut lebih terarah, bersih, dan diyakini masyarakat. Patuh Syariah bukan sahaja menekankan aspek hukum dalam interaksi antara jantina, tetapi juga merangkumi penggunaan bahan halal, penjagaan aurat, niat kerana Allah SWT, serta adab dalam rawatan. Apabila perkhidmatan urut Melayu dijalankan mengikut garis panduan Islam, ia bukan sahaja memenuhi tuntutan kesihatan dan keagamaan, tetapi turut membuka ruang kepada ekonomi halal yang beretika dan berkat (Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM], 2019).

Dalam konteks ekonomi keluarga di Kelantan, perkhidmatan urut Melayu tradisional patuh Syariah berpotensi besar untuk dijadikan pemangkin kepada peningkatan pendapatan isi rumah. Pendapatan daripada aktiviti ini mampu membantu keluarga B40 menampung kos sara hidup serta memperkukuh daya tahan ekonomi wanita luar bandar. Menurut Ripin (2024), pengamal urut di Kelantan memperoleh purata pendapatan antara RM800 hingga RM2,500 sebulan, bergantung

kepada jumlah pelanggan, jenis rawatan dan lokasi operasi. Pendapatan ini bukan sahaja menambah nilai ekonomi keluarga, tetapi juga memperkukuh peranan wanita sebagai penyumbang produktif dalam pembangunan komuniti Islam tempatan.

Selain itu, penerapan prinsip patuh Syariah dalam amalan rawatan tradisional sejajar dengan aspirasi Malaysia sebagai hab halal dunia. Kajian oleh Sobari et al. (2019) menunjukkan bahawa penerapan atribut Islam dalam sektor halal wellness memberi kesan positif terhadap kepuasan pelanggan dan kesetiaan terhadap perkhidmatan. Dapatan ini disokong oleh Susilawati dan Adi (2022) yang mendapati bahawa kualiti perkhidmatan berasaskan nilai Islam serta kepercayaan pesakit menjadi faktor penting dalam membina kesetiaan pelanggan terhadap rawatan herba dan perubatan tradisional. Sementara itu, Jamaludin et al. (2025) menegaskan bahawa pembangunan rangka kerja perkhidmatan perubatan patuh Syariah di Malaysia merupakan langkah progresif untuk memastikan keselarasan antara rawatan tradisional dan prinsip hukum Islam yang sahih.

Secara keseluruhan, jurang kajian yang paling ketara ialah ketiadaan penyelidikan empirikal yang menyeluruh mengenai amalan urut Melayu patuh Syariah, khususnya dalam menilai sumbangannya terhadap ekonomi keluarga dan kesejahteraan komuniti. Selain itu, wujud kekosongan dasar serta ketiadaan piawaian pensijilan rasmi yang boleh dijadikan rujukan standard bagi memastikan amalan ini beroperasi dalam kerangka Syariah yang seragam. Tambahan pula, modul latihan formal berteraskan Syariah untuk pengamal wanita masih belum dibangunkan secara sistematik, menyebabbbkan amalan di lapangan tidak konsisten dari segi etika, batas aurat dan prosedur rawatan. Keseluruhan jurang ini menegaskan keperluan terhadap satu penyelidikan yang lebih sistematik dan berstruktur bagi melahirkan kerangka amalan yang sahih, beretika, berasaskan evidens, serta mampu mmberi impak sosioekonomi yang signifikan kepada masyarakat.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan amalan urut Melayu tradisional patuh Syariah sebagai pemangkin ekonomi keluarga di Kelantan, dengan memberi tumpuan kepada aspek kepatuhan terhadap prinsip

Islam, sumbangan terhadap pendapatan isi rumah, serta penerimaan masyarakat terhadap amalan tersebut. Kajian ini juga berhasrat untuk mencadangkan langkah-langkah ke arah memperkukuh kedudukan urut Melayu tradisional dalam ekosistem ekonomi halal dan pembangunan warisan budaya, selaras dengan usaha negara memperkasa komuniti Islam melalui bidang keusahawanan berasaskan nilai.

SOROTAN LITERATUR

Ekonomi keluarga merupakan asas utama kepada kestabilan dan kesejahteraan masyarakat dan ummah (Saufi et.al., 2024). Menurut Rahman dan Abdullah (2021), kesejahteraan ekonomi keluarga tidak hanya bergantung kepada pekerjaan formal, tetapi juga kepada aktiviti kecil-kecilan dan perusahaan desa yang menyumbang kepada pendapatan isi rumah. Di negeri Kelantan, aktiviti ekonomi keluarga banyak bergantung kepada perusahaan tradisional seperti tenunan songket, pembuatan labu tanah liat, hasil makanan warisan, dan perkhidmatan urut Melayu tradisional (Jabar, 2021; Ripin, 2024).

Sebagai salah satu bentuk warisan budaya Melayu, urut tradisional telah diwarisi turun-temurun dan kekal menjadi sebahagian daripada gaya hidup masyarakat Melayu di Kelantan. Walaupun berasaskan kemahiran tradisi, ia mempunyai potensi ekonomi yang besar sekiranya digabungkan dengan elemen keusahawanan moden dan pengiktirafan formal (Hamzah & Mohamad, 2020). Dalam konteks ekonomi keluarga, amalan urut bukan sahaja berfungsi sebagai terapi kesihatan, tetapi juga sebagai sumber pendapatan yang membantu meningkatkan taraf hidup keluarga berpendapatan rendah, khususnya wanita dan suri rumah.

Amalan urut Melayu tradisional bukan sahaja menumpukan kepada aspek kesihatan fizikal, tetapi turut menzahirkan nilai spiritual dan keagamaan masyarakat Melayu. Ripin (2016) menjelaskan bahawa urut Melayu berpaksikan konsep syifa' dan tauhid, iaitu keyakinan bahawa kesembuhan datang daripada Allah SWT. Apabila amalan ini dipandu oleh prinsip patuh Syariah, ia tidak hanya memenuhi keperluan jasmani tetapi turut menyuburkan nilai rohani dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

Kajian lapangan oleh Ripin (2024) mendapati bahawa pengamal urut Melayu di Kelantan mampu memperoleh pendapatan antara RM800 hingga RM2,500 sebulan, bergantung kepada jumlah pelanggan dan jenis rawatan. Pendapatan ini menyumbang secara langsung kepada ekonomi isi rumah, selain mengukuhkan jati diri wanita sebagai penyumbang kepada ekonomi halal keluarga. Pendekatan ini selari dengan aspirasi pembangunan komuniti Islam yang menekankan keseimbangan antara ibadah, kesihatan dan sumber rezeki yang diberkati.

Dalam konteks perkhidmatan kesihatan dan kesejahteraan (wellness services), penerapan atribut Islam terbukti memberi kesan positif terhadap kepuasan pelanggan. Kajian Sobari et al. (2019) menunjukkan bahawa penerapan nilai Islam seperti pemisahan jantina, kebersihan, penggunaan bahan halal dan suasana spiritual meningkatkan tahap kepuasan dan kesetiaan pelanggan terhadap perkhidmatan halal wellness.

Begitu juga, kajian oleh Susilawati dan Adi (2022) ke atas klinik pengubatan herba di Indonesia menunjukkan bahawa kualiti perkhidmatan berasaskan prinsip Islam serta kepercayaan pesakit mempunyai hubungan positif yang signifikan terhadap kesetiaan pelanggan. Apabila pesakit yakin bahawa rawatan yang diterima mematuhi ajaran Islam, mereka cenderung untuk mengulangi penggunaan perkhidmatan dan menyarankan kepada orang lain.

Dapatan ini penting untuk diaplikasikan dalam konteks urut Melayu tradisional, khususnya bagi pengamal di Kelantan yang berhasrat mengekalkan pelanggan melalui standard kualiti patuh Syariah seperti wanita merawat wanita, penjagaan aurat, kebersihan alat rawatan, serta penggunaan minyak dan herba yang halal dan suci.

Perkembangan penyelidikan terkini menunjukkan bahawa Malaysia kini sedang bergerak ke arah membangunkan rangka kerja perkhidmatan perubatan patuh Syariah. Jamaludin et al. (2025) melalui kajian Fuzzy Delphi di Malaysia telah memperkenalkan satu model Shariah-Compliant Medical Services Framework (SCMSF) yang menggabungkan panduan Syariah dalam persekitaran hospital dan

klinik Islamik. Rangka kerja ini menekankan aspek seperti pemisahan jantina, privasi pesakit, doa dan bimbingan spiritual, serta penggunaan ubat dan produk halal.

Kerangka seperti ini menunjukkan bahawa perkhidmatan kesihatan patuh Syariah semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan akademik dan dasar awam, serta berpotensi diperluas kepada perkhidmatan tradisional seperti urut Melayu. Pendekatan berasaskan prinsip Syariah bukan sahaja memperkukuh kepercayaan pengguna terhadap pengamal urut, malah boleh menjadi asas kepada pensijilan rasmi dan pengiktirafan kerajaan bagi pengamal urut Melayu tradisional di Malaysia.

Selari dengan perkembangan ini, institusi atau perniagaan berteraskan Syariah juga sering menunjukkan kesan positif terhadap pengalaman kerja pekerja mereka. Pekerja dalam organisasi patuh Syariah lazimnya merasakan tahap keadilan dan kepuasan kerja yang lebih tinggi kerana operasi organisasi berlandaskan nilai seperti keadilan, amanah dan ihsan. Persekitaran kerja yang menekankan integriti, ketelusan dan kebajikan pekerja turut mewujudkan hubungan kerja yang lebih seimbang, seterusnya mengukuhkan persepsi terhadap keadilan organisasi dan kepuasan kerja keseluruhan (Saufi, 2024) serta kesepaduan pekerja dengan organisasi (Saufi, 2024).

Bukan sahaja pekerja, kajian lepas turut memperlihatkan bahawa penerapan nilai Islam dalam perkhidmatan memberi kesan langsung terhadap kepuasan, kesetiaan pelanggan (Saufi & Muhammad Razaki, 2020), dan kestabilan pendapatan termasuk juga perkhidmatan kesihatan. Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa ekonomi keluarga di Kelantan dapat diperkukuh melalui pengiktirafan amalan warisan tradisional sebagai sumber ekonomi halal. Atribut Islam yang diterapkan dalam urut Melayu tradisional bukan sahaja meningkatkan tahap profesionalisme dan kepercayaan pelanggan, malah membina imej positif terhadap industri rawatan tradisional patuh Syariah. Justeru, usaha memperkukuh amalan urut Melayu tradisional patuh syariah sebagai satu ekonomi mikro berasaskan warisan budaya merupakan langkah strategik dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga dan memperkasa kedudukan wanita dalam ekonomi komuniti Islam tempatan.

METODOLOGI

Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran berurutan penjelasan atau Explanatory Sequential Mixed Methods Design seperti yang disarankan oleh Creswell (2013) dan Tashakkori dan Teddlie (2010). Pendekatan ini dipilih kerana ia menggabungkan kelebihan kaedah kuantitatif dan kualitatif secara berperingkat untuk memperoleh kefahaman yang menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Dalam konteks kajian ini, penggunaan dua kaedah tersebut amat penting untuk memahami bukan sahaja dimensi ekonomi dalam profesion urut Melayu tradisional, tetapi juga nilai, niat, dan prinsip Syariah yang mendasari amalan tersebut.

Fasa Kuantitatif

Fasa pertama, iaitu fasa kuantitatif, berfungsi sebagai komponen utama kajian. Dalam fasa ini, data berangka dikumpulkan melalui instrumen soal selidik berstruktur yang direka untuk menilai pendapatan, corak kerja, dan sumbangan ekonomi keluarga dalam kalangan pengamal urut Melayu tradisional. Soal selidik tersebut mengandungi item yang meneliti jumlah pendapatan bulanan, bilangan pelanggan, jenis rawatan yang ditawarkan, serta kadar upah mengikut kawasan.

Selain itu, aspek sumbangan ekonomi turut dinilai dari sudut bagaimana hasil kerja urut membantu menampung keperluan isi rumah, pendidikan anak-anak, dan kesejahteraan keluarga. Data kuantitatif yang diperoleh dianalisis secara deskriptif menggunakan statistik mudah bagi mengenal pasti corak dan hubungan asas antara pendapatan dan kesejahteraan keluarga pengamal. Fasa ini memberikan gambaran umum tentang realiti sosioekonomi profesion urut Melayu, sekali gus menjadi asas kepada pelaksanaan fasa kualitatif yang bersifat penjelasan.

Fasa Kualitatif: Sokongan dan Penjelasan

Fasa kedua merupakan fasa kualitatif, yang berperanan menyokong dan memperjelas dapatan daripada fasa pertama. Dalam fasa ini, temu bual mendalam dijalankan dengan beberapa pengamal urut utama serta pelanggan tetap mereka bagi

mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang nilai, pengalaman, niat, serta tahap kepatuhan terhadap prinsip Syariah dalam amalan urut.

Kaedah temu bual separa berstruktur digunakan bagi membolehkan penyelidik meneroka pelbagai dimensi pemikiran responden secara fleksibel, termasuk aspek keagamaan dan moral dalam perkhidmatan rawatan. Pendekatan ini turut disertai dengan pemerhatian lapangan terhadap proses rawatan sebenar, bagi memastikan data yang diperoleh tidak hanya berdasarkan persepsi lisan, tetapi turut disokong oleh pemerhatian empirik terhadap tingkah laku, prosedur, dan adab pengamal dalam konteks sebenar.

Dapatan kualitatif ini membantu menjelaskan mengapa dan bagaimana pengamal urut mengekalkan nilai Islam dalam amalan mereka, serta bagaimana pelanggan menilai keaslian dan keberkesanan urutan yang berpaksikan etika Syariah. Ia sekaligus menambah lapisan kefahaman terhadap fenomena yang tidak dapat dijelaskan sepenuhnya melalui angka semata-mata.

Kekuatan Reka Bentuk Campuran

Pemilihan reka bentuk *Explanatory Sequential Mixed Methods* dianggap paling sesuai kerana ia membolehkan gabungan kekuatan antara data berangka dan naratif kualitatif dalam satu kerangka analisis yang komprehensif. Melalui pendekatan ini, penyelidik bukan sahaja dapat mengenal pasti sejauh mana amalan urut Melayu tradisional menyumbang kepada ekonomi keluarga, tetapi juga dapat memahami bagaimana dan mengapa amalan tersebut memberi kesan terhadap kesejahteraan rohani, hubungan sosial, serta identiti budaya masyarakat setempat.

Pendekatan berurutan ini juga memastikan bahawa hasil daripada fasa kuantitatif menjadi asas kepada pelaksanaan fasa kualitatif, membolehkan triangulasi data dilakukan dengan lebih sistematik. Dengan demikian, sebarang penemuan yang muncul dalam fasa pertama dapat diperjelas dan diperhalusi dalam fasa kedua, menghasilkan dapatan yang lebih mendalam dan berwibawa dari segi interpretasi ilmiah.

Konteks Lokasi Kajian

Kajian ini dilaksanakan di beberapa daerah utama di negeri Kelantan, iaitu kawasan yang diketahui masih aktif mengekalkan amalan urut Melayu tradisional. Lokasi kajian meliputi Kota Bharu (Telipot, Kubang Kerian, dan Panji), Pasir Mas (Tok Uban dan Jejuluk), Tumpat (Pasir Pekan), Bachok, dan Machang, yang mewakili kawasan semi-luar bandar dengan kadar kepadatan pengamal urut yang tinggi.

Pemilihan lokasi ini dibuat secara bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan dua faktor utama. Pertama, kepadatan pengamal urut yang masih aktif di kawasan tersebut; dan kedua, kepelbagaian bentuk amalan, termasuk rawatan berasaskan rumah, perkhidmatan bergerak, serta pusat urut berdaftar yang mematuhi garis panduan kesihatan dan Syariah. Kepelbagaian ini penting bagi memastikan data yang diperoleh bersifat holistik dan mewakili pelbagai corak ekonomi serta pendekatan etika dalam amalan urut Melayu di peringkat komuniti.

Keseluruhannya, reka bentuk kajian ini berperanan untuk meneliti amalan urut Melayu tradisional bukan sekadar sebagai aktiviti ekonomi, tetapi juga sebagai manifestasi nilai spiritual dan budaya Islam tempatan. Melalui pendekatan campuran berurutan penjelasan, kajian ini menggabungkan kekuatan data empirikal dengan kedalaman analisis kualitatif, bagi menghasilkan gambaran menyeluruh tentang konsep urut patuh Syariah serta implikasinya terhadap kesejahteraan masyarakat dan pembangunan keluarga di Kelantan.

Populasi dan Sampel

Fasa Kuantitatif yang mana populasi Pengamal urut Melayu tradisional (wanita) di Kelantan serta isi rumah mereka. Sampel: 100 – 150 responden dipilih melalui persampelan rawak berstrata mengikut daerah (Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Bachok).

Fasa Kualitatif berdasarkan populasi Pengamal urut berpengalaman dan pelanggan tetap dengan sampel: 10–15 informan utama dipilih melalui persampelan bertujuan (*purposive sampling*) bagi mewakili pelbagai kategori iaitu kategori

pengamal berdaftar dan tidak berdaftar (Norzie Kassim, Fauziah Awang, Faezah & Rosiah Che Yusof, dll.), kategori pelanggan wanita yang pernah menerima rawatan dan Pegawai KKM (Bahagian T&CM) serta tokoh agama tempatan.

Kaedah Pengumpulan Data

A. Fasa Kuantitatif

Menggunakan soal selidik berstruktur (structured questionnaire) untuk mengumpul data seperti profil demografi pengamal (umur, pendidikan, status perkahwinan). Begitu juga dengan tahap pendapatan isi rumah sebelum dan selepas menjalankan urut. Data sumber modal dan jenis rawatan serta kekerapan pelanggan dan tahap permintaan pasaran.

Selain itu persepsi masyarakat terhadap urut patuh Syariah diteliti. Skala Likert lima mata (1 – 5) digunakan untuk menilai tahap penerimaan, kepuasan pelanggan dan persepsi terhadap nilai Islam dalam perkhidmatan urut. Seterusnya Fasa Kualitatif menggunakan tiga kaedah utama:

- I- Temu bual separuh berstruktur – mendalam dengan pengamal seperti Norzie Kassim, Fauziah Awang, Faezah Che Yusof dan Rosiah Che Yusof.
- II- Fokus: niat, amalan spiritual, cabaran, pengaruh warisan, dan konsep keberkatan rezeki.
- III- Pemerhatian lapangan (field observation) – meneliti suasana tempat rawatan, etika berpakaian, adab dengan pelanggan, dan penggunaan bahan halal.

Seterusnya menganalisis dokumen dengan menyemak garis panduan KKM (Akta 755), fatwa, serta catatan tradisi warisan urut Melayu di Kelantan.

Jadual 1. Instrumen Kajian

Kaedah	Instrumen	Tujuan
Kuantitatif	Soal selidik (Google Form atau cetak)	Mengenal pasti sumbangan ekonomi, pendapatan isi rumah, persepsi terhadap urut patuh Syariah
Kualitatif	Panduan temu bual & pemerhatian	Mendalami dimensi spiritual, etika, dan cabaran pengamal urut tradisional

Instrumen diuji melalui ujian kebolehpercayaan Cronbach Alpha (>0.70) untuk soal selidik dan ujian kesahan kandungan (content validity) oleh pakar dalam bidang Syariah, ekonomi keluarga dan perubatan tradisional.

Kaedah Analisis Data

Analisis data dalam kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan bersepadu yang menggabungkan analisis kuantitatif dan kualitatif bagi memastikan setiap dimensi penyelidikan dapat dihuraikan secara menyeluruh dan bersepadu. Pendekatan ini membolehkan penyelidik bukan sahaja menilai pola dan hubungan berdasarkan angka, tetapi juga menelusuri makna, pengalaman dan nilai yang tersirat dalam amalan urut Melayu tradisional patuh Syariah di Kelantan.

Analisis Kuantitatif

Bagi komponen kuantitatif, analisis dilaksanakan menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 28, seperti yang disarankan oleh Pallant (2020) bagi analisis statistik sosial dan pendidikan. Data yang diperoleh daripada 120 responden terdiri daripada pengamal urut Melayu dan pelanggan isi rumah diproses melalui dua tahap utama, iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Analisis deskriptif digunakan untuk menggambarkan profil demografi dan sosioekonomi pengamal urut, termasuk jantina, umur, tahap pendidikan, lokasi operasi, pengalaman bekerja, serta jumlah pendapatan bulanan. Ukuran statistik seperti frekuensi, min dan sisihan piawai digunakan bagi menilai taburan data dan mengenal pasti pola umum dalam aktiviti ekonomi pengamal urut Melayu. Hasil analisis ini membantu memberikan gambaran asas mengenai corak pendapatan, bentuk perkhidmatan, serta perbezaan antara lokasi operasi bandar dan luar bandar.

Bagi analisis inferensi pula, dua jenis ujian statistik digunakan untuk menilai hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah utama. Ujian Korelasi Pearson digunakan bagi mengukur kekuatan dan arah hubungan antara tempoh pengalaman mengurut dengan jumlah pendapatan isi rumah, bagi menentukan sama ada

pengalaman mempengaruhi kestabilan ekonomi pengamal. Seterusnya, Ujian Regresi Linear Berganda digunakan untuk menilai sejauh mana faktor lokasi, bilangan pelanggan, dan tahap pematuhan kepada prinsip Syariah mempengaruhi jumlah pendapatan bulanan.

Hasil analisis inferensi ini bukan sahaja membolehkan penyelidik mengenal pasti faktor signifikan yang mempengaruhi pendapatan, tetapi juga menjadi asas kepada interpretasi kualitatif yang lebih mendalam mengenai peranan nilai Islam dalam meningkatkan keberkatan dan kepercayaan pelanggan terhadap pengamal urut wanita Muslim.

Analisis Kualitatif

Komponen kualitatif kajian ini dijalankan menggunakan kaedah Analisis Tematik (Thematic Analysis) seperti yang digariskan oleh Braun dan Clarke (2006). Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menelusuri makna mendalam daripada pengalaman dan naratif responden yang tidak dapat diterjemahkan melalui angka semata-mata.

Proses analisis kualitatif dimulakan dengan transkripsi penuh temu bual yang dijalankan bersama empat orang pengamal urut utama dan enam orang pelanggan tetap. Transkripsi tersebut dibaca berulang kali bagi memastikan pemahaman kontekstual terhadap isi kandungan. Seterusnya, penyelidik melaksanakan proses pengkodan terbuka (open coding) untuk mengenal pasti kategori idea utama yang muncul daripada teks temu bual. Kategori tersebut kemudiannya dikembangkan melalui pengkodan paksi (axial coding) bagi membentuk hubungan antara konsep, sehingga menghasilkan beberapa tema induk yang menggambarkan fenomena sosial dan rohani dalam amalan urut Melayu tradisional.

Melalui proses ini, beberapa tema utama telah dikenal pasti, antaranya ialah warisan dan pewarisan ilmu, niat dan keberkatan rezeki, peranan wanita dalam ekonomi halal, serta cabaran pengiktirafan dan pensijilan profesional. Tema-tema ini bukan sahaja mencerminkan nilai-nilai Islamik yang mendasari amalan urut, tetapi

juga memperlihatkan dinamika gender, keusahawanan, dan spiritual dalam konteks masyarakat tempatan.

Data kualitatif ini berfungsi untuk menjelaskan dapatan kuantitatif secara lebih mendalam. Misalnya, analisis kualitatif membantu menjawab persoalan mengapa pendapatan pengamal meningkat selepas mengamalkan urut patuh Syariah, atau bagaimana pelanggan menilai keberkatan, kebersihan, dan kejujuran sebagai faktor utama kepercayaan terhadap pengamal Muslimah. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami dimensi moral dan spiritual yang menyumbang kepada kejayaan ekonomi pengamal, sejajar dengan konsep barakah dalam ekonomi Islam.

Hubungan Antara Data Kuantitatif dan Kualitatif

Kedua-dua jenis analisis ini saling melengkapi antara satu sama lain dalam menghasilkan tafsiran yang lebih menyeluruh dan holistik. Data kuantitatif memberikan asas empirikal tentang corak ekonomi, manakala data kualitatif memperkayakan pemahaman melalui penjelasan nilai dan niat di sebalik angka tersebut. Gabungan ini bukan sahaja menonjolkan realiti ekonomi pengamal urut Melayu, tetapi juga menegaskan bahawa amalan yang berpaksikan Syariah dapat membentuk keseimbangan antara rezeki dan keberkatan.

Pendekatan analisis bersepadu ini juga membuktikan bahawa kesejahteraan ekonomi tidak dapat dipisahkan daripada dimensi rohani dan moral. Dengan kata lain, pendapatan yang meningkat hasil pematuhan terhadap prinsip Syariah bukan sekadar kejayaan material, tetapi juga manifestasi kepada nilai keikhlasan dan keberkatan dalam pekerjaan.

Keseluruhannya, kaedah analisis data campuran yang digunakan dalam kajian ini berjaya menghubungkan antara bukti statistik dan pengalaman hidup sebenar pengamal urut Melayu tradisional. Pendekatan ini bukan sahaja menonjolkan dimensi ekonomi dan sosial, tetapi turut memperlihatkan nilai spiritual dan identiti Islam yang mendasari amalan tersebut. Analisis data yang dijalankan secara sistematik, teliti dan bersepadu ini memastikan dapatan kajian berlandaskan bukti empirik serta berpaksikan prinsip ilmiah dan nilai Islam yang kukuh.

Kaedah Triangulasi (Triangulation)

Bagi meningkatkan kesahihan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability) dapatan, tiga bentuk triangulasi digunakan (Denzin, 2012) iaitu pertama Triangulasi Kaedah: Gabungan soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Kedua Triangulasi Sumber: Melibatkan pengamal, pelanggan dan pegawai institusi (KKM/MAIK). Ketiga Triangulasi Penyelidik: Semakan bersama rakan penyelidik atau pakar Syariah bagi memastikan interpretasi data tidak berat sebelah.

Manakala Etika Kajian ke arah etika penyelidik mematuhi prinsip etika penyelidikan Islam dan akademik dengan mendapat persetujuan bertulis daripada informan. Menjaga aurat dan batas jantina semasa pemerhatian. Pengkaji juga memberi jaminan kerahsiaan data responden di samping mengelak eksploitasi dan unsur fitnah terhadap pengamal.

Jadual 2. Rangka Masa Kajian

Fasa	Aktiviti	Tempoh
1	Kajian literatur & pembangunan instrumen	Jan – Feb 2025
2	Pengumpulan data kuantitatif (soal selidik)	Mac – Apr 2025
3	Temu bual & pemerhatian lapangan	Mei – Jul 2025
4	Analisis data & triangulasi	Ogos – Sept 2025
5	Penulisan laporan & artikel jurnal	Okt – Nov 2025

Jadi kaedah ini merupakan pendekatan campuran ini memberi yang kekuatan kuantitatif dengan pemerolehan data empirikal mengenai pendapatan isi rumah dan sumbangan ekonomi. Manakala kekuatan kualitatif adalah dengan pemahaman mendalam tentang nilai spiritual, warisan, dan kepatuhan Syariah. Kaedah ini menghasilkan kerangka komprehensif untuk menilai urutan Melayu sebagai model ekonomi halal wanita Muslim di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian ini diperincikan berdasarkan dua fasa utama penyelidikan yang menggunakan pendekatan kaedah campuran (*mixed-method approach*). Reka bentuk ini dipilih bagi memperoleh gambaran yang menyeluruh tentang amalan dan impak sosioekonomi urut Melayu tradisional patuh Syariah dalam konteks masyarakat Kelantan. Pendekatan kuantitatif memberikan asas empirikal terhadap pola ekonomi dan sosial, manakala analisis kualitatif memperkukuh kefahaman terhadap nilai, niat, dan pengalaman sebenar pengamal serta pelanggan dalam menzahirkan kepatuhan terhadap prinsip Syariah.

Fasa Kuantitatif

Fasa pertama kajian melibatkan pengumpulan data berangka melalui soal selidik berstruktur yang diedarkan kepada 120 responden, terdiri daripada pengamal urut Melayu tradisional dan pelanggan isi rumah. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan menggunakan SPSS versi 28 bagi mengenal pasti pola pendapatan, corak kerja, dan sumbangan ekonomi keluarga. Selain itu, analisis turut menilai tahap kefahaman dan persepsi pelanggan terhadap amalan urut yang mematuhi prinsip Islam, serta hubungan antara pematuhan Syariah dengan kepuasan pelanggan.

Profil Responden

Seramai 120 orang responden terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada 70% wanita ($n = 84$) dan 30% lelaki ($n = 36$). Majoriti responden berumur antara 30 hingga 55 tahun, dengan 65% tinggal di kawasan luar bandar seperti Pasir Mas, Tumpat dan Bachok. Data ini menunjukkan bahawa profesion urut Melayu tradisional masih didominasi oleh wanita luar bandar yang menjadikan pekerjaan ini sebagai sumber pendapatan sokongan keluarga.

Sumbangan Pendapatan Urut Melayu terhadap Ekonomi Keluarga

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa sumbangan amalan urut Melayu tradisional terhadap ekonomi keluarga adalah signifikan dan memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan isi rumah.

Jadual 3: Julat Pendapatan Bulanan Pengamal Urut Melayu Tradisional (n = 120)

Julat Pendapatan Bulanan	Bilangan	Peratus (%)
RM500 – RM1,000	34	28.3
RM1,001 – RM2,000	47	39.2
RM2,001 – RM2,500	26	21.7
RM2,501 – RM3,500 (spa Islamik)	13	10.8

Min pendapatan: RM1,950 sebulan

Sisihan piawai: RM760

Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pendapatan pengamal tidak tetap, majoriti memperoleh lebih daripada RM1,000 sebulan, dan mampu menyumbang antara 20% hingga 60% daripada pendapatan isi rumah. Hal ini membuktikan bahawa amalan urut Melayu tradisional bukan sekadar aktiviti warisan budaya, tetapi turut berperanan sebagai penjana ekonomi mikro luar bandar yang berasaskan keusahawanan halal.

Persepsi Pelanggan terhadap Urut Melayu Patuh Syariah

Analisis skor min berdasarkan skala Likert lima mata menunjukkan persepsi pelanggan yang sangat positif terhadap nilai Syariah dalam perkhidmatan urut Melayu.

Jadual 4: Persepsi Pelanggan terhadap Urut Melayu Patuh Syariah

Item Penilaian	Min	Tahap
Urut wanita dengan wanita, lelaki dengan lelaki	4.78	Sangat tinggi
Penjagaan aurat semasa rawatan	4.65	Sangat tinggi
Penggunaan bahan halal (minyak, herba)	4.59	Tinggi
Doa dan zikir semasa urutan	4.48	Tinggi
Sikap mesra, sabar dan amanah pengamal	4.73	Sangat tinggi

Purata keseluruhan min: 4.65 (Sangat positif)

Dapatan ini membuktikan bahawa pelanggan menilai nilai Syariah, keikhlasan dan keperibadian pengamal sebagai faktor utama dalam menentukan kepuasan mereka,

berbanding kemewahan tempat rawatan. Keputusan ini menyokong dapatan Susilawati dan Adi (2022) yang menegaskan bahawa nilai Islam dalam perkhidmatan tradisional meningkatkan kepercayaan dan kesetiaan pelanggan.

Hubungan antara Patuh Syariah dan Kepuasan Pelanggan

Ujian Korelasi Pearson menunjukkan hubungan positif yang kuat antara tahap pematuhan Syariah dengan tahap kepuasan pelanggan ($r = 0.71$, $p < 0.01$). Ini bermakna, semakin tinggi pematuhan terhadap prinsip Syariah seperti penjagaan aurat, niat, dan doa semakin tinggi juga tahap kepuasan pelanggan serta kecenderungan untuk berulang menggunakan perkhidmatan tersebut. Dapatan ini membuktikan bahawa etika Islamik menjadi faktor kepercayaan utama dalam sektor perkhidmatan kesihatan tradisional.

Faktor yang Mempengaruhi Pendapatan Pengamal

Ujian Regresi Linear Berganda dijalankan untuk menilai pengaruh beberapa faktor terhadap pendapatan pengamal urut Melayu.

Jadual 5: Analisis Regresi terhadap Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pendapatan

Faktor	Nilai β	Signifikan (p)
Bilangan pelanggan tetap	0.48	0.001
Jenis rawatan (ibu pantang/strok)	0.39	0.004
Lokasi (bandar vs luar bandar)	0.33	0.012

Kepatuhan Syariah 0.25 0.021

Keputusan menunjukkan bahawa pengamal yang beroperasi di kawasan bandar dan menyediakan rawatan ibu lepas bersalin atau pesakit strok secara patuh Syariah memperoleh pendapatan lebih tinggi serta pelanggan yang lebih setia. Ini menunjukkan integrasi antara profesionalisme, kepatuhan Syariah dan kepercayaan pelanggan memberi impak langsung terhadap kemampuan ekonomi pengamal.

Fasa Kualitatif

Fasa kedua kajian menggunakan temu bual separa berstruktur dengan empat pengamalurut utama dan enam pelanggan tetap, disertai pemerhatian lapangan bagi meneliti etika kerja, adab rawatan dan nilai rohani dalam amalanurut patuh Syariah.

Hasil temu bual dan pemerhatian menghasilkan lima tema utama yang menggambarkan dinamika sosial, rohani dan ekonomi pengamalurut Melayu tradisional:

1. Warisan dan pewarisan ilmu turun-temurun.
2. Niat, keikhlasan dan keberkatan rezeki.
3. Peranan wanita dalam ekonomi halal luar bandar.
4. Cabaran pengiktirafan dan pensijilan formal.
5. Nilai spiritual dan kekuatan tauhid menghadapi tekanan ekonomi.

Pengamal seperti Faezah Che Yusof dan Rosiah Che Yusof menegaskan bahawa mereka mewarisi ilmuurut daripada nenek moyang, namun telah menyesuaikan dengan pendekatan Islamisasi menggantikan jampi dengan doa dan menggunakan bahan-bahan halal. Proses ini menandakan transformasi budaya warisan kepada bentuk rawatan berasaskan tauhid, sejajar dengan konsep Islamisasi budaya oleh Shafie Abd Rahman (1992).

Pendapatan bulanan yang diperoleh berbeza antara RM800 hingga RM2,500 bergantung pada musim, jenis rawatan, dan kemampuan pelanggan. Walaupun tidak stabil, pengamal menekankan bahawa niat membantu dan keberkatan rezeki lebih utama daripada keuntungan. Nilai spiritual ini menjadi sumber kekuatan mereka menghadapi tekanan ekonomi dan cabaran persaingan, selaras dengan konsep Tauhidik Entrepreneurship oleh Mohd Nasir (2020) yang menegaskan bahawa *rezeki yang berkat lebih bermakna daripada rezeki yang banyak*.

Triangulasi Dapatan Kuantitatif dan Kualitatif

Gabungan analisis kuantitatif dan kualitatif (triangulasi) memperkukuh kredibiliti dapatan kajian.

Jadual 6: Integrasi Dapatan Kuantitatif dan Kualitatif (Triangulasi)

Tema Kajian	Bukti Kuantitatif	Bukti Kualitatif	Kesimpulan
Sumbangan ekonomi keluarga	60% pengamal menjana > RM1,000 sebulan	Naratif Faezah & Norzie: urut penting bagi ekonomi wanita luar bandar	Urut Melayu menyumbang signifikan kepada pendapatan isi rumah
Pematuhan Syariah dan kepercayaan pelanggan	$r = 0.71, p < 0.01$	Semua pengamal menegaskan urut wanita sesama wanita, doa & aurat dijaga	Kepatuhan Syariah meningkatkan kepercayaan dan keberkatan
Pewarisan budaya dan Islamisasi amalan	80% pengamal mewarisi ilmu keluarga	Faezah & Rosiah ubah amalan warisan kepada berdoa dan guna bahan halal	Warisan budaya diislamisasikan melalui nilai tauhid
Cabaran kelangsungan	47% sebut pendapatan tidak tetap	Semua pengamal alami kekangan ekonomi & tiada pensijilan	Perlukan latihan dan pengiktirafan formal
Nilai spiritual dan tauhid	90% setuju doa & niat mempengaruhi keberkatan	Pengamal kaitkan rezeki dengan amanah Allah	Nilai spiritual menjadi benteng ketahanan ekonomi

Rumusan Dapatan Kajian

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa urut Melayu tradisional patuh Syariah bukan sekadar amalan warisan kesihatan, tetapi juga sumber ekonomi fleksibel dan halal yang memberi ruang pekerjaan kepada wanita luar bandar. Pengamal bukan sahaja mematuhi prinsip Islam seperti menjaga aurat, membaca

doa, menggunakan bahan halal tetapi juga menzahirkan kerja mengurut sebagai ibadah sosial (fard kifayah).

Namun begitu, cabaran utama yang dihadapi ialah ketidakstabilan pendapatan, kenaikan kos hidup, dan ketiadaan latihan formal. Walaupun begitu, kekuatan spiritual dan kesedaran tauhid membantu mereka terus bertahan, menjadikan profesion ini bukan sekadar mencari rezeki, tetapi juga medan pengabdian kepada Allah SWT.

Tambahan pula, kerjasama dengan pusat zakat boleh membuka peluang pembangunan perniagaan yang lebih tersusun dan berdaya saing (Saufi & Abu Hasan Shaari, 2023). Usahawan dalam bidang ini berpeluang mendapat sokongan modal, latihan, dan bimbingan pengurusan melalui pusat zakat, sekaligus meningkatkan kelestarian ekonomi halal dan memberi impak sosial positif kepada masyarakat. Kerjasama ini juga menekankan tanggungjawab sosial usahawan serta memantapkan jaringan ekonomi berlandaskan prinsip Islam.

Dapatan ini memperkukuh pandangan bahawa amalan urut Melayu tradisional patuh Syariah perlu dilestarikan melalui sistem pensijilan, latihan profesional, dan sokongan kerajaan agar ia terus berfungsi sebagai warisan budaya, sumber ekonomi halal dan manifestasi akhlak Islam dalam pekerjaan.

RUJUKAN

- Abdullah, S., & Embong, R. (2020). Women micro-entrepreneurs and household wellbeing: Evidence from Kelantan. *Journal of Entrepreneurship and Business*, 8(1), 55–70.
- Department of Statistics Malaysia. (2022). *Household Income and Basic Amenities Survey (HIS/BA) 2022: Kelantan*. Putrajaya: DOSM.
- Haron, N. H., Mohamad, M., & Abdullah, N. (2021). Women's informal sector participation in Kelantan: Motivations and economic necessity. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 17(2), 153–168.
- Hassan, A., & Embong, A. (2020). Islamic healing practices in Kelantan: A sociocultural analysis. *Journal of Nusantara Studies*, 5(1), 44–63.

- Ibrahim, F., & Esa, M. (2018). Traditional Malay healers (bomoh) in Kelantan: Roles, functions and spiritual legitimacy. *Kajian Malaysia*, 36(2), 59–82.
- Kasim, M. M., & Yusoff, W. F. W. (2020). Factors influencing income generation among women entrepreneurs in Kelantan. *International Journal of Business and Society*, 21(3), 1125–1141.
- Md. Khairi, N. A., & Mahamud, N. A. (2022). Socioeconomic challenges of B40 families in Kelantan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(10), 1–15.
- Mohamed, Z., & Rahman, N. (2023). Women in traditional wellness and massage sectors in Malaysia: Economic roles and regulatory gaps. *Journal of Social Health*, 4(1), 22–36.
- Ripin, R. (2023). *Urut Melayu Tradisional Patuh Syariah: Satu Keperluan*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Saufi, S. (2024) Examining employee engagement in Shariah-Compliant institutions: Perspectives from the workforce. *SunText Rev Econ Bus* 5(3): 214. DOI: <https://doi.org/10.51737/2766-4775.2024.114>
- Saufi, S. (2024) Organizational justice in shariah-compliant institutions: Employee perspectives and experiences. (2024). *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(2) <https://journal.unisza.edu.my/inspire/index.php/inspire/article/view/59>
- Saufi, S., & Abu Hasan Shaari, M. A. (2023). Strategi pembangunan perniagaan melalui jaringan sosial dalam kalangan usahawan asnaf di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*, 3(2), 64–73.
- Saufi, S., & Razaki, M. M. (2020). The relationship between service quality and students satisfaction among students in KIAS, Nilam Puri, Kelantan. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 139-154.
- Saufi, S., Zakaria, S. H., Rosli, T. N. A. T. M. (2024). Analisis penerokaan faktor latihan, pengalaman dan motivasi ke arah kelestarian perniagaan halal di kalangan usahawan asnaf. *International Journal of Halal Ecosystem and Management Practices*, 2 (3), 12-28.
- Shafie, N. H., & Ahmad, A. (2022). Islamic-based complementary medicine practices in Kelantan: Regulation, belief and community reliance. *Journal of Islamic Contemporary Issues*, 3(1), 77–95.